



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENGELUAR HARUMANIS KEDAH DIJANGKA MELONJAK, NEGERI, SH-22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	PERMINTAAN SANTAN SEGAR MEROSOT, NEGERI, SH-25	
3.	TUNA-LANDING HUB OFFERS SEA OF OPPORTUNITIES IN PENANG, EVENTS, THE STAR-7	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	KEDAH MAHU RM200J, TOLAK RM41J, NEGERI, UM-1&3	LAIN-LAIN
5.	TIGA GLC PERLUAS TANAMAN PADI DI PAHANG, NEGARA, KOSMO-12	
6.	PEMBUAT LAKSAM DALAM DILEMA, LOKAL, HM-9	
7.	KEDAH MAHU PAMPASAN LEBIH BESAR, NEGARA, KOSMO-13	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	22



Mohd Yusof (tengah) meninjau kualiti buah mangga harumanis ketika turun ke ladangnya di Alor Mengkudu, Alor Setar.

Pengeluaran harumanis Kedah dijangka melonjak

Turut pos mangga harumanis kepada pembeli sejak minggu lalu

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Pengeluaran mangga harumanis di Kedah pada tahun ini dijangka melonjak hampir 10 kali ganda berbanding tahun sebelumnya hasil usaha penanaman berskala besar sejak empat hingga lima tahun lalu.

Usaha keras pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah membantu memperkenalkan secara tidak langsung dan mendapat sambutan baik.

Pengusaha harumanis D'Aman, Datuk Mohd Yusof Ismail berkata, ladangnya yang seluas 24 hektar kini telah mengeluarkan 10 tan metrik buah dalam seminggu pertama sahaja.

Menurutnya, harumanis Kedah semakin mendapat sambutan baik daripada peminat buah tersebut apabila pihaknya telah mula menerima tempahan awal dan mula menghantarnya menggunakan perkhidmatan pos sejak minggu lalu.

"Jumlah pengeluaran mangga harumanis tahun ini di ladang kami jauh lebih tinggi berbanding hanya tiga tan metrik yang dihasilkan tahun lalu kerana kebanyakan pokok telah mencapai usia matang, iaitu antara lima hingga tujuh tahun.

"Peningkatan pengeluaran mangga harumanis menunjukkan potensi besar dalam industri pertanian tempatan dan peluang ini perlu dimanfaatkan sebagai pendapatan



Mohd Yusof (kanan) sangat mementingkan kualiti buah mangga harumanis yang dihantar kepada pelanggan.



sampingan ataupun sebagai pendapatan tetap terutamanya kepada golongan muda," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Urusan USIMA Agriculture berkata, pengeluaran mangga harumanis di ladangnya dijangka mencecah 30 tan metrik pada tahun ini bergantung kepada cuaca dan penjagaan semasa.

Menurut Mohd Yusof, mangga harumanis yang dijual pihaknya dikelaskan kepada tiga kategori gred utama iaitu premium, *super* dan *deluxe* agar dapat memberikan pilihan kepada pembeli mengikut tahap kualiti.

"Kami juga menjangkakan pengeluaran hasil kami mampu meningkat kepada 100 tan metrik tahun depan kerana kebanyakan pokok telah mencapai usia matang," ujarnya.

Jelasnya, kawalan ketat terhadap kualiti buah dilakukan menggunakan alat pengukur kemanisan bagi memastikan buah yang dituai memenuhi standard kemanisan minimum iaitu 15 darjah Brix.

"Jika bacaan kemanisan kurang daripada 15, buah tidak akan dituai kerana ia akan menjadi kurang manis selepas diperam. Oleh itu, kami amat menjaga kualiti buah bagi memenuhi permintaan pasaran," katanya lagi.

Beliau mengakui, walaupun pengeluaran tahun ini meningkat, jumlah 20 hingga 30 tan metrik masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan eksport, justeru pihaknya akan terus memfokuskan kepada meningkatkan hasil sambil mengekalkan kualiti.

Tambah beliau, buah tersebut kini telah dipasarkan ke seluruh negara, termasuk Lembah Klang, Shah Alam, Putrajaya, Perak, Pulau Pinang dan Kedah melalui kaedah jualan secara fizikal dan dalam talian.

Pengiktirafan Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) oleh Jabatan Pertanian selain disenaraikan di bawah Program Malaysia Best oleh FAMA secara tidak langsung meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Permintaan santan segar merosot

Susulan kenaikan harga mencecah RM20 sekilogram sejak 2 minggu lalu

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Permintaan santan segar dilaporkan merosot hampir 30 peratus susulan kenaikan mendadak harga bahan masakan itu selepas berakhirnya Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Aidilfitri 2025.

Peniaga santan di Pasar Chabang Tiga, Suzlan Abd Wahab, 37, berkata harga santan segar kini mencecah RM20 sekilogram sejak dua minggu lalu berbanding RM17.50 ketika tem-

poh SHMMP lalu.

"Harga kelapa yang kami dapat sekarang mencecah RM3.70 sebiji berbanding RM3.50 sebiji sebelum raya. Sejak harga naik dan bekalan kurang, permintaan terhadap santan jatuh kira-kira 30 peratus.

"Buat masa ini, kami hanya mampu memproses santan antara 300 hingga 400 biji kelapa sehari," katanya yang berniaga santan sejak 15 tahun lalu.

Seorang lagi peniaga, Wan Mohd Shukri Wan Muda, 45, berkata bekalan kelapa kini bergantung sepenuhnya kepada sumber import dari Indonesia selepas bekalan tempatan tidak lagi mencukupi.

"Kelapa tempatan tidak ada, kami cuma harap dari Indonesia tapi sekarang tak cukup juga. Harap kerajaan ambil cakna, kasihan kepada peniaga macam kami," katanya.

Katanya, sebelum ini harga



Suzlan menapis santan segar di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu.

santan sekitar RM15 sekilogram, namun terpaksa dinaikkan sehingga RM20 berikutan harga kelapa melambung tinggi.

Sementara itu, pelanggan, Naqiah Azman, 33, berkata kenaikan harga santan menjejaskan perbelanjaan dapur terutamanya ketika musim perayaan.

"Masakan tempatan memang banyak guna santan tetapi kalau guna santan kotak, rasanya tidak sama. Nak tak nak, kami tetap beli santan segar walaupun harganya sangat mahal," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu,

Muhamad Fadlee Hassan berkata, pihaknya sentiasa memantau bekalan kelapa dan menjangkakan stok kelapa kembali stabil selepas Aidilfitri.

"Bekalan kelapa stabil dan jika berlaku kekurangan, FAMA akan meningkatkan bekalan selain menambah bekalan di seluruh negeri," katanya.



Tuna-landing hub offers sea of opportunities in Penang

APART from being renowned for its scenic beaches, Penang has the unique distinction of being Malaysia's only tuna-landing hub.

It is where prized catches from the Indian Ocean arrive before being exported to international markets.

Tuna, caught in the vast Indian Ocean, are carefully chilled and shipped to various countries including Japan for the making of premium sashimi, one of the world's most sought-after delicacies.

State agrotechnology, food security, and cooperative development committee chairman Fahmi Zainol said Penang had been the main entry point for tuna in Malaysia since the early 1990s.

"Many foreign vessels, including those from Taiwan, choose Penang as their landing site for processing and exporting the tuna back to Taiwan or Japan."

He said tuna landings brought significant economic benefits, supporting local industry players while boosting Malaysia's seafood trade.

With the increase in tuna-landing activities, Penang has



Fahmi (right) with tuna catch at the Butterworth deep-water wharf. — Bernama

the potential to develop a strong downstream industry, creating more jobs and attracting investments, according to Fahmi.

"If we expand the tuna industry, it can create job opportunities not only in fisheries but also in related sectors such as fish processing, transportation, and trade," he told Bernama.

At present, Penang does not

have a dedicated tuna-processing industry.

However, Fahmi said he was optimistic that with an increase in landings, the state could emerge as a key hub for tuna processing, supplying premium seafood products to both local and international markets.

"This could encourage greater investment in fish processing

and enhance Malaysia's competitiveness in the global seafood trade."

Besides fisheries, he said that the tuna industry could also boost tourism, particularly in areas where tuna landings and trade activities take place.

"If well-developed, jetties and processing facilities could attract more visitors, as tuna-

landing operations are often a unique spectacle that draws public interest."

Tuna remains a high-value commodity in international markets, and Penang's role as a major landing hub is crucial to the industry's expansion.

Fahmi explained that tuna landings in the state now take place at the Butterworth deep-water wharf which has played a key role in sustaining the local economy.

Previously, the government established the Batu Maung Fisheries Complex under the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM).

However, in 2015, the facility's sedimentation issues made it unsuitable for tuna landings.

Subsequently, the commercial port at Butterworth deep-water wharf was designated as the new tuna landing site.

"In 2023, 16 vessels landed 3.13 million kg of tuna, valued at RM3.191mil.

"We are still awaiting the full figures for last year but I hope to see even higher tuna landings this year, further strengthening Penang's position as Malaysia's premier tuna hub."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	9

HARGA SANTAN SEGAR RM20 SEKILOGRAM

Pembuat **laksam** dalam dilema

Oleh Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Terpaksa menghentikan jualan laksam dan laksa lemak, itu dilema yang terpaksa dihadapi peniaga makanan di daerah ini, apabila berhadapan dengan kenaikan harga santan segar yang kini mencecah hingga RM20 sekilogram sejak seminggu lalu.

Pembuat laksam dan laksa lemak, Miswati Yah, 40, berkata, sejak hampir sebulan lalu dia terpaksa menghentikan pembuatan laksam dan laksa lemak kerana masalah ketiadaan santan dan harganya yang mahal.

Menurutnya, sejak awal Syawal lalu santan semakin sukar untuk diperolehi dan terpaksa membeli kelapa dan memprosesnya sendiri.

"Harga kelapa parut sudah mencecah sehingga RM18 sekilogram, namun oleh kerana tiada pilihan

"Sejak hampir sebulan lalu saya terpaksa menghentikan pembuatan laksam dan laksa lemak untuk dijual di gerai di sekitar bandar ini kerana harga santan yang mahal dan sukar mendapatkannya di pasaran"

Miswati

untuk menyiapkan tempahan pelanggan saya terpaksa membelinya.

"Sejak hampir sebulan lalu saya terpaksa menghentikan pembuatan laksam dan laksa lemak untuk dijual di gerai di sekitar bandar ini kerana harga santan yang mahal dan sukar mendapatkannya di pasaran.

"Saya menjual makanan itu dengan harga RM3.30 sebungkus ketika itu harga



PENIAGA kuih dan makanan berasaskan santan terkesan dengan kenaikan harga bahan mentah.

santan antara RM17 hingga RM18 sekilogram. Sekarang sudah mencecah RM20 sekilogram, kalau ingin teruskan perlu naikan harga makanan itu," katanya.

Miswati berkata, kerana harga yang sudah meningkat dan sukar mendapatkan bekalan, dia terpaksa menaikkan harga lak-

sam dan laksa jualannya untuk menampung kos bahan mentah.

Katanya, dia tidak menggunakan santan kotak kerana makanan jualannya ti-

dak dapat bertahan lama dan cepat basi.

Bagi peniaga makanan, Sharifah Ibrahim, 45, berkata, kerana harga santan yang meningkat, setiap kali menerima tempahan makanan untuk sambutan rumah terbuka dia akan memberi harga terlebih dahulu kepada pelanggan.

Katanya, harga makanan jualannya meningkat pada tahun ini kerana harga santan dan kelapa yang mahal dan perlu menampung kos bahan mentah yang lain.

"Bila tiada santan, saya terpaksa membeli kelapa dengan harga RM5 sebiji untuk menyiapkan tempahan pelanggan. Sekarang setiap kali menerima tempahan saya akan maklumkan kepada pelanggan harga makanan yang ditempah mereka.

"Bagi pelanggan lama mereka tidak kisah harga sedikit meningkat kerana sudah biasa dengan masakan saya," katanya yang mengambil tempahan pelbagai makanan termasuk ketupat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	NEGERI	1

Kedah mahu RM200j, tolak RM41j

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Kerajaan Kedah mahu bayaran RM200 juta setahun daripada Kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi bagi menjamin bekalan beras negara.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor, berkata insentif khas RM41 juta setahun yang dicadangkan Plan Malaysia melalui Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN), tidak setimpal berbanding mengekalkan kawasan sawah padi di negeri ini sejak sekian lama.

"Insentif khas RM41 juta setahun dicadangkan KAGUMN, tidak cukup mengekalkan kawasan sawah padi, berbanding pengorbanan besar ditanggung Kedah.

"Walaupun jumlah tersebut dikira berdasarkan 0.1 peratus nilai setiap hektar tanah, tuntutan sebanyak RM200 juta setahun adalah wajar dan berasaskan realiti.

"Cadangan RM41 juta bagi keseluruhan kawasan jelapang dan luar jelapang di Kedah kecil kerana menggunakan kaedah 0.1 peratus daripada nilai tanah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	NEGERI	3

Kedah mahu RM200 juta, tolak RM41 juta

Dari muka 1

"Kalau setiap hektar tanah dianggarkan bernilai RM400,000, kita hanya dapat RM41 juta. Sedangkan pengorbanan Kedah menjaga sawah padi dan kawasan tadahan air jauh lebih besar," katanya semasa Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, di semalam.

Beliau menjawab pertanyaan lisan Hanif Ghazali (PN-Tanjong Dawai) mengenai perkembangan tuntutan insentif RM200 juta yang turut mendapat sokongan Sultan Kedah.

Menurut Muhammad Sanusi (PN-Jeneri), kerajaan negeri jelapang padi itu telah men-

cadangkan agar kadar pengiraan dinaikkan kepada 0.38 peratus agar Kedah sekurang-kurangnya menerima RM157 juta setahun jika tidak pun RM200 juta.

Permohonan RM200 juta oleh kerajaan negeri masih dalam pertimbangan Pusat. Beberapa libat urus diadakan termasuk Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) terakhir yang mana PlanMalaysia membentangkan sistem KAGUMN.

"Kita tak buat tuntutan ini sesuka hati. Ini soal kos melepas yang tinggi. Kalau Kedah tarik diri sebagai jelapang padi, negara akan hadapi kesan besar dari segi sekuriti ma-

kanan," tegasnya.

Menjawab soalan tambahan Hanif mengenai pendirian jika tuntutan tidak dipenuhi, beliau menegaskan pendekatan rundingan tetap menjadi keutamaan.

"Saya yakin jika diberi pertimbangan wajar, tiada yang waras akan menolak permintaan berasaskan logik. Bajet negara mencecah RM430 bilion setahun, takkan RM200 juta untuk jamin bekalan makanan pun tak boleh diberi," katanya.

Muhammad Sanusi berkata, Kedah turut mengekalkan kawasan hutan untuk tadahan dan bekalan air, jadi beliau menyifatkan tuntutan Kedah

itu berasas.

"Kehilangan hasil cukai tanah yang dikekalkan untuk kawasan padi begitu besar. Sekitar 5,000 hektar tanah termasuk dalam rancangan tempatan daerah yang boleh dibangunkan projek lain sama ada perumahan, industri, komersial yang boleh mengubah nilai cukai tanah itu.

"Daripada keseluruhan kawasan termasuk dalam rancangan itu, jika kita ubah syarat tanah, kita boleh kutip cukai sewa tanah, cukai ubah jenis kegunaan tanah, cukai taksiran, caj pemajuan dan caj sumber air mentah yang dianggarkan RM116 juta," katanya.

Tiga GLC perluas tanaman padi di Pahang

KUANTAN - Kerajaan negeri

bekerjasama dengan tiga syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam usaha memperluas sektor penanaman padi di negeri ini bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan (BPT).

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, langkah itu diambil bagi menampung keperluan rakyat di negeri itu dan mengurangkan ketergantungan terhadap import

beras.

"Antara penglibatan GLC yang telah dilaksanakan ialah Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) di kawasan Merchong melibatkan tanah seluas 525 hektar, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) di Rompin seluas 1,214 hektar, dan terkini Yayasan Pahang di kawasan Gan-chong seluas 202 hektar," kata beliau.

Beliau berkata demikian ke-

dibangkitkan Datuk Andansura Rabu (**PN-Beserah**) dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang di sini semalam.

Terdahulu, Andansura meminta penjelasan kerajaan negeri berhubung inisiatif yang diambil untuk menangani isu kekurangan bekalan BPT memandangkan terdapat pengurangan peruntukan Belanjawan Pahang 2025 bagi sektor pertanian, industri dan

asas tani, iaitu sebanyak RM36.78 juta berbanding RM58.93 juta pada tahun sebelumnya.

Mengulas perkara itu, Wan Rosdy menjelaskan bahawa pengeluaran BPT di negara ini semakin meningkat kerana iaitu sekitar 60 peratus sahaja dan perlu dipertingkatkan.

"Disebabkan itu, kita masih perlu mengimport beras bagi menampung kekurangan tersebut, katanya.



**SIDANG
DUN
PAHANG**

tika mencelah sesi perbincangan Sim Chon Siang (**PH-Teruntum**) terhadap soalan tambahan yang

Kedah mahu pampasan lebih besar

- Tuntut RM200 juta berbanding tawaran RM41 juta
- Alasan telah berkorban hasilkan beras negara

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Kedah menolak cadangan PLAN Malaysia berhubung nilai bayaran insentif khas sebanyak RM41 juta sebagai mekanisme timbal balik atas pengorbanan negeri mengekalkan keseluruhan tanah sawah.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, kerajaan negeri berpandangan nilai insentif dicadangkan PLAN Malaysia menerusi Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) terlalu rendah berbanding pengorbanan dilakukan.

"Jika kita ambil kira kaedah atau nilai insentif yang dibangunkan KAGUMN, ia mengambil 0.1 peratus sebagai pemboleh ubah daripada nilai setiap hektar tanah dibangunkan yang satu hektar nilainya RM400,000.

"Kita tidak minta satu peratus, kita minta 0.38 peratus. Kita



MUHAMMAD SANUSI

KEDAH menjadi penyumbang beras utama negara hingga mendapat jolokan negeri jelapang padi. – GAMBAR HIASAN

boleh dapat RM157 juta kalau 0.38 peratus," katanya ketika menjawab soalan Hanif Ghazali (PN-Tanjong Dawai) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di Wisma Darul Aman, di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau memo-

hon agar kerajaan Persekutuan mempertimbangkan permohonan Kedah sebanyak RM200 juta bagi mengekalkan kawasan sawah padi selaras titah Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah pada tahun lalu.

"Ini adalah permohonan yang

munasabah kerana kalau kita terkeluar daripada tanggungjawab kita sebagai negeri jelapang padi untuk negara, negara akan mengalami kesukaran.

"Hujahan-hujahan yang telah saya buat sebelum ini kalau ditukar seluruh kawasan tanah padi kepada komersial, kita akan dapat RM1.7 bilion cukai tanah," ujarnya.

Muhammad Sanusi turut menegaskan bahawa beliau bukan meminta duit percuma tetapi menuntut kehilangan yang negeri tanggung puluhan tahun lamanya.

Tambahnya, kerajaan negeri akan terus memperjuangkan permohonan tersebut yang ketika ini masih di peringkat pertimbangan kerajaan Persekutuan.

"Walaupun kerajaan memberi alasan telah banyak bantuan diberikan dalam bentuk subsidi untuk hasilkan padi termasuk subsidi baja, racun dan harga padi, kita berpandangan bahawa subsidi itu adalah bantuan diberikan kepada para pesawah.

"Namun, kehilangan kerajaan negeri adalah terhadap hasil peruntukan tanah yang dikekalkan untuk kawasan padi. Tanah bersyarat padi adalah tanah yang paling rendah nilai cukai tanah," katanya.